



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

8hb Disember 2011

No. 25

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 817.

[Subseksyen 62(1)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSDUD AWAM

[Subsection 62(1)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 759 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* pada 19 November 2009, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], telah mengisyiharkan bahawa petak tanah iaitu Lot 1481 yang terletak di dalam Mukim 4, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, seluas 4,045 meter persegi, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan.

Maka oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara 1965 mengenai cadangan

untuk membatalkan perizinan tanah tersebut dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang pada 22 Februari 2012 jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 759 published in the Penang State Government *Gazette* on 19 November 2009, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], has proclaimed that the parcel of land being Lot 1481 situated in Mukim 4, South-West District, Penang having an area of 4,045 square metre, to be reserve for public purpose, to wit, a site for open space to be maintained by Penang Municipal Council.

And whereas, it appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation be revoked.

Now therefore, the State Authority in exercise of its powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the reservation and that any person who desires to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Penang at an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of South-West District, Penang on 22 February 2012 at 10.00 a.m.

Bertarikh 15 November 2011

Dated 15 November 2011

[PTG/PS/BD/267(52); PUNPP 352/100/1/2/7]

NG WEE KOK
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Secretary of
State Executive Council
Penang

No. 818.

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisyiharkan dilucutkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutkan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas Kerajaan.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8hb Dis. 2011]

987

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar—Perai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—671. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 62820. Luas—3.7987 hektar.

Bertarikh 16 November 2011
[PTSP/F/6A/244/2009]

ROSLAN BIN YAHAYA
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam
Pulau Pinang*

No. 819.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Butterworth, Seksyen 2, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—335. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 24237. Luas—221.8452 meter persegi.

Bertarikh 1 November 2011
[PTG/PP/76/Jld. 58(15)]

SURIADI BIN SUAIT
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 820.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Butterworth, Seksyen 1, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
No. Lot—605. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 44306. Luas—111.48 meter persegi.

Bertarikh 3 November 2011
[PTG/PP/76/Jld. 58(17)]

SUHAIMI BIN MAHMUD
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 821.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Mukim—1, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—2757. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 118136. Luas—143.0 meter persegi.

Bertarikh 3 November 2011
[PTG/PP/76/Jld. 58(16)]

SUHAIMI BIN MAHMUD
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 822.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8hb Dis. 2011]

989

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 16, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—469. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 36391. Luas—163.3182 meter persegi.

Bertarikh 4 November 2011
[PTG/PP/76/Jld. 58(18)]

SURIADY BIN SUAIT
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 823.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—5, Daerah Seberang Perai Selatan. No. Lot—805. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 534. Luas—11609.4009 meter persegi.

Bertarikh 10 November 2011
[PTSPS/D/328/LOT 805, MK. 05, SPS]

ABD. RAHMAN SHAFFIE BIN KASSIM
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 824.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

990

[8hb Dis. 2011]

JADUAL

Mukim—7, Daerah Seberang Perai Selatan. Petak—M1/5/95. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1230. Luas—48 meter persegi.

Bertarikh 10 November 2011
[PTSPS/D/328/LOT 6265, MK. 07, SPS]

ABD. RAHMAN SHAFFIE BIN KASSIM
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 825.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—9, Daerah Seberang Perai Selatan. No. Lot—3860. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 885. Luas—0.4379 hektar.

Bertarikh 10 November 2011
[PTSPS/D/328/LOT 3860, MK. 09, SPS]

ABD. RAHMAN SHAFFIE BIN KASSIM
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 826.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Na Liang Teng dan Tang Hooi Siang, yang beralamat di 3510 Pekeliling Kenari, Taman Sentosa, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan 1710 Kampung Victoria, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8hb Dis. 2011]

991

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 9 Januari 2012 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
6, Seberang Perai Selatan	3174	G.M. 450	Kesemua	Perserahan No. 0703SC2007002332
6, Seberang Perai Selatan	3119	G.M. 396	Kesemua	Perserahan No. 0703SC2007002326
6, Seberang Perai Selatan	2543	G.M. 324	Kesemua	Perserahan No. 0703SC2007002320

Bertarikh 8 November 2011
[0703AUC2011000052/55/56]

SHAARI BIN HUSSAIN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 827.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Congruent Resources, yang beralamat di 18-22-A1, Gurney Tower, Persiaran Gurney, 10250 Georgetown, Pulau Pinang dan/atau 123-D, Wisma Lister Garden, Macalister Road, 10400 Georgetown, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 10 Januari 2012 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—6, Seberang Perai Selatan. No. Lot—3078. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 355. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2009000601.

Bertarikh 10 November 2011
[0703AUC2011000057]

SHAARI BIN HUSSAIN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 828.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Loo Chee Keong dan Tan Beng Goik, yang beralamat di 3667, New Ferry Road, 12100 Butterworth, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 10 Januari 2012 pukul 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—14, Seberang Perai Selatan. No. Lot—4608. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1351. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2003001896.

Bertarikh 10 November 2011
[0703AUC2011000051]

SHAARI BIN HUSSAIN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 829.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Periachi a/p Nadarajan, yang beralamat di 26 Lorong Lima Kongsi 3, Taman Lima Kongsi, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 3 Februari 2012 pukul 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—4, Seberang Perai Selatan. No. Lot—3366. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1575. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2006002028.

Bertarikh 10 November 2011
[0703AUC2011000050]

SHAARI BIN HUSSAIN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 830.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Tham Cheow Kuan, yang beralamat di 22 Lorong Alma Jaya 24, Taman Alma Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam pada 18 Januari 2012 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

994

[8hb Dis. 2011]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—15, Seberang Perai Tengah. No. Lot—18199. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4561. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3644/2004.

Bertarikh 15 November 2011
[0701AUC2011000097]

IBRAHIM BIN MOHD ALI
Penolong Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam

No. 831.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas.
Dalam Negeri Pulau Pinang.

DI ANTARA

PUBLIC BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

TEH KIM TECK DAN HO SIEW PHENG

Penggadai

Yang beralamat di 22, Lorong Baiduri 3, Taman Baiduri, 13400 Butterworth.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas Tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 14 Disember 2011 (Rabu) jam 9.30 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—14, Daerah Seberang Perai Utara. No. Lot—3416. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1061. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0702SC2004000277.

Bertarikh 9 November 2011
[PTSPU(L) 25/2011(12)]

HAZYUL BIN ABU HASSAN
Penolong Pentadbir Tanah (III)
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8hb Dis. 2011]

995

No. 832.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas.
Dalam Negeri Pulau Pinang.

DI ANTARA

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

ROSLIYADI BIN ALI

Penggadai

Yang beralamat di 12, Lorong Pokok Sena Indah 5, Taman Pokok Sena Indah, 13200 Kepala Batas atau 11, Jalan Seri Desa, Kampung Besar, 13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.

Ambil perhatian bahwasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas Tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 25 Januari 2012 (Rabu) jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas. Tuan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—12, Daerah Seberang Perai Utara. No. Lot—5009. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 312. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0702SC2006000481.

Bertarikh 10 November 2011

[PTSPU(L) 34/2011(12)]

MOHD ARIFF BIN HASAN

Pentadbir Tanah

Seberang Perai Utara

Pulau Pinang

No. 833.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Hazyul bin Abu Hassan, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Disember 2011 pada 9.30 pagi di Pusat Kawalan Operasi Bencana, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM220,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM4,017,198.48. Nama pemegang gadaian—Public Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM22,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 17 April 2012 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8hb Dis. 2011]

997

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
9, Daerah Seberang Perai Utara	1830	G.M. 1187	Perserahan No. 0702SC2007002398
	1904	G.M. 1311	Perserahan No. 0702SC2007002398
Bertarikh 13 Oktober 2011 [PTSPU(L) 20/2011(25)]		HAZYUL BIN ABU HASSAN <i>Pentadbir Tanah Seberang Perai Utara Pulau Pinang</i>	

No. 834.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Hazyul bin Abu Hassan, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 16 Disember 2011 pada 10.00 pagi di Pusat Kawalan Operasi Bencana, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM230,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-gadaian pada tarikh ini ialah RM61,872.23. Nama pemegang gadaian—Perbadanan Malaysia, Bahagian Pinjaman Perumahan.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM23,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Ribu Sahaja);

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 14 April 2012 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—7, Daerah Seberang Perai Utara. No. Lot—3594. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1886. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0702SC1989006867.

Bertarikh 14 Oktober 2011
[PTTL/PP/PDN/392(6)]

HAZYUL BIN ABU HASSAN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang*

No. 835.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Zanzila binti Zainol Abidin, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan lelongan awam, yang akan diadakan pada 16 Februari 2012 pada 11.00 pagi di Tingkat 3, KONKOS, KOMTAR, Pulau Pinang; dan

- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM750,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu (United Overseas Bank (Malaysia) Bhd.) pada tarikh ini 9-11-2011 ialah RM683,244.58.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM75,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Ribu Sahaja);
 - amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas ketukan tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 14 Jun 2012 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan akan diberikan; dan
 - di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—10246, No. Bangunan M1, No. Tingkat 22, No. Petak 98, Petak-Petak Aksesori No. A92, A216 dan A218. Jenis dan No. Hakmilik—Hakmilik Strata No. Berdaftar Geran Mukim 2524/M1/22/98. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—0704SC2010001102.

Bertarikh 9 November 2011
[PTTL/PP/PDN/392(6)]

ZANZILA BINTI ZAINOL ABIDIN
*Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang*

No. 836.

DEPOSIT-DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT
(Arahan Perbendaharaan 162)

PEMBERITAHUAN

Dengan ini diberitahu iaitu kiraan-kiraan wang yang disimpan dalam Pejabat Tanah dan Daerah, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dalam Deposit telah tidak dituntut selama lebih dari dua belas (12) bulan dan jika tidak ada tuntutan, maka wang ini akan menjadi Hakmilik Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kiraan-kiraan wang hendaklah dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh senarai ini ke dalam *Warta Kerajaan*.

Tuntutan-tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah dan Daerah, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh senarai ini diwartakan. Sekiranya tuntutan tidak diterima selepas tiga (3) bulan dari tarikh diwartakan, kiraan-kiraan wang ini akan dikreditkan ke dalam akaun Hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bil.	Tarikh	No. Akaun	Nama Pencagar	Amaun (RM)
1.	21-11-1987	5/87	Kementerian Pendidikan	1,500.00
2.	21-11-1987	6/87	Kementerian Pendidikan	1,500.00
3.	6-4-1989	2/89	Persatuan Belia 4B Caw. Spg Tiga	100.00
4.	2-1-1993	1/93	Malakoff Berhad	1,500.00
5.	5-1-1993	2/93	Tetuan Lim Kean Siew & Co.	1,500.00
6.	7-7-1993	12/93	Ooi York Choo	1,500.00
7.	5-10-1993	16/93	Yong Tar Used Car Credit Sdn. Bhd.	1,500.00
8.	9-10-1993	18/93	Ho Siew Bee @ Ho Seok Bee	1,500.00
9.	19-10-1993	22/93	Yeap Chor Beng & Sons Sdn. Bhd.	1,500.00
10.	19-10-1993	23/93	Yeap Geok Leak @ Yeap Geok Lake	1,500.00
11.	19-10-1993	24/93	Yeap Mor Keong	1,500.00
12.	19-10-1993	25/93	Yeap Mor Cheng	1,500.00
13.	29-10-1993	27/93	Marzukhe bin Md Zain	1,500.00
14.	28-03-1995	1/95	Bousted Estates Agency Sdn. Bhd.	1,500.00
15.	18-12-1995	9/95	Abdullah bin Hassan	280.00
16.	15-01-1996	1/96	Loh See Kiang @ Loh Siew Yang	1,500.00
17.	29-04-1997	2/97	Alpha Advance Sdn. Bhd.	1,500.00

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8hb Dis. 2011]

1001

Bil.	Tarikh	No. Akaun	Nama Pencagar	Amaun (RM)
18.	29-4-1997	3/97	Alpha Advance Sdn. Bhd.	1,500.00
19.	18-6-1997	5/97	Presgrave & Mathews	1,500.00
20.	18-6-1997	6/97	Presgrave & Mathews	1,500.00
21.	18-6-1997	8/97	Presgrave & Mathews	1,500.00
22.	18-6-1997	9/97	Presgrave & Mathews	1,500.00
23.	18-6-1997	10/97	Vimal Trading Sdn. Bhd.	1,500.00
24.	22-7-1997	14/97	Lim Kiam Hooi	1,500.00
25.	4-9-1997	17/97	Hafy Enterprise	10,000.00
26.	12-11-1997	20/97	Prominent Development (M) Sdn. Bhd.	1,500.00
27.	19-12-1997	28/97	IJM Corporation	4,500.00
28.	23-1-1998	17/98	Gainbliss Sdn. Bhd.	1,500.00
29.	14-2-1998	28/98	C.S. Ong & Co.	1,500.00
30.	7-8-1998	41/98	Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang	100.00
31.	11-8-1998	44/98	Koperasi FELCRA Gugusan Tasik Kacang Puri Bhd.	100.00
32.	14-8-1998	47/98	Koperasi Pembangunan Daerah SPU	100.00
33.	14-8-1998	49/98	Era Mastika Sdn. Bhd.	100.00
34.	30-11-1998	53/98	Koperasi Pembangunan Daerah SPU	3,234.00
	29-12-1998			3,234.00
	28-1-1999			3,234.00
	25-2-1999			3,234.00
35.	18-11-1998	56/98	Koperasi Pembangunan Daerah SPU	2,892.00
	23-12-1998			2,892.00
	28-1-1999			2,892.00
	25-2-1999			2,892.00
36.	6-1-1999	1/99	Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.	3,000.00

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1002

[8hb Dis. 2011]

Bil.	Tarikh	No. Akaun	Nama Pencagar	Amaun (RM)
37.	29-12-1999	20/99	Kuala Sidim Berhad	3,000.00
38.	16-12-1999	21/99	Seong Moh Chan Sdn. Bhd.	32,839.80
	24-7-2000			6,680.70
	22-12-2000			6,680.70
			JUMLAH KESELURUHAN	129,485.15

Bertarikh 10 November 2011
[PTSPU/F/257/163 Jld. 2]

ANNUAR BIN MOHAMED
b.p. Pentadbir Tanah
Daerah Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA